

11 APR 1996

Mahathir - Rumah

PEMBINAAN RUMAH AWAM KOS RENDAH: PM AKUI SWASTA LEBIH BERUPAYA

LANGKAWI, 11 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hasrat Kerajaan untuk menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab pembinaan Perumahan Awam Kos Rendah kepada sektor swasta dibuat selepas pertimbangan yang teliti.

Katanya perbandingan angka-angka pencapaian program itu jelas menunjukkan bahawa sektor swasta lebih menonjol.

"Kita dapati prestasi mereka lebih baik berbanding dengan pencapaian kita, jadi adalah lebih baik juga jika kita serahkan pelaksanaan program ini kepada mereka," katanya pada persidangan berita selepas merasmikan Konvensyen Sukan Kebangsaan di sini hari ini.

Beliau mengakui bahawa Kerajaan perlu berhadapan dengan pelbagai hal setiap kali ia hendak melaksanakan program itu dan menyatakan perasaan sedihnya dengan prestasi kerajaan dalam program berkenaan.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata hasrat itu bukan bermakna Kerajaan akan "lepas tangan" terhadap tanggungjawabnya.

"Kita akan terus terbabit seperti dalam hal-hal pengagihan," katanya.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh semalam berkata prestasi kerajaan negeri dalam Rancangan Malaysia Keenam berhubung pelaksanaan program itu tidak memuaskan apabila hanya 30 peratus daripada 82,414 unit rumah dapat disiapkan.

Ianya jauh dibandingkan dengan keupayaan sektor swasta menyiapkan hampir 99 peratus daripada peruntukan projek sebanyak 214,889 unit rumah.

Ting berkata sektor swasta dijangka mengambil-alih tanggungjawab itu dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. -- Bernama.

ZAA AHH